

# Motif sebenar Kuan Yew

Oleh YULPISMAN ASLI  
(WARTAWAN UTUSAN)

TUDUHAN tidak berasas Lee Kuan Yew bahawa kaum Cina di negara ini dipinggirkan secara sistematik merupakan tamparan hebat terhadap Malaysia dan rakyat Malaysia dan sukar diterima.

Ini bukan kali pertamabekas Perdana Menteri Singapura itu membuat tuduhan liar terhadap Malaysia dan rakyat Negara ini. Sebelum ini, beliau pernah membuat kenyataan provokasi dengan menuduh kaum Cina negara ini sebagai warganegara kelas kedua.

Malah, kata pakar sejarah dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dr. Nik Anuar Nik Mahmud, Kuan Yew juga acap kali mengeluarkan tuduhan dan dakwaan yang mengguris hati rakyat negara ini khususnya orang Melayu sebelum republik itu berpisah dengan Malaysia pada tahun 1965.

"Antara tuduhan yang pernah dilonarkan ialah mendakwa prang Melayu bukan penduduk majoriti dan tidak boleh cakap banyak Kuan Yew pengasas Parti Tindakan Rakyat (PAP) juga pernah mendakwa parti MCA gundik UMNO. Selain itu, beliau juga pernah mencadangkan supaya Perlembagaan negara digubal dari hak istimewa orang Melayu dihapuskan.

Bagaimanapun, di sebalik menyuarakan bantahan, pendekatan diplomatik yang diambil kerajaan Malaysia dalam menangani tuduhan-tuduhan tersebut berjaya meredakan ketegangan. Tetapi, apa sebenarnya motif Kuan Yew untuk terus melemparkan tuduhan liar terhadap Malaysia dan rakyatnya? Adakah beliau cemburu dengan kemakmuran negara dengan rakyat berbilang kaum tetapi kekal aman damai dan terus mencatat kecemerlangan dalam pelbagai bidang.

Bagi Nik Anuar yang pernah menulis buku *Duri Dalam Daging-Singapura Dalam Malaysia*, kenyataan bekas pemimpin Singapura itu adalah 'pendapat yang lapuk' dan 'tidak perlu dilayan'.

Beliau yang menyifatkan Kuan Yew 'masih mempunyai tabiat lama' bagaimanapun tetap mempersoalkan tujuan kenyataan tersebut dibuat.

"Jika kenyataan beliau itu untuk menimbulkan huru-hara dan menyebabkan ekonomi negara merosot, ia adalah tidak bertanggungjawab," katanya.

Nik Anuar turut menolak dakwaan Kuan Yew itu kerana kaum Cina di negara ini katanya menguasai ekonomi,

selain turut memainkan peranan dalam bidang politik. Dalam bidang pendidikan juga mereka tidak diabaikan apabila terdapat sekolah-sekolah jenis kebangsaan.

Apa yang dinyatakan oleh Nik Anuar itu adalah benar apabila melihat kepada penguasaan ekonomi kaum Cina di negara ini berbanding orang Melayu sendiri. Selain itu, mereka juga diberi tempat dalam bidang politik dengan memegang jawatan menteri termasuk Ketua Menteri.

Kaum Cina di negara ini juga dibenarkan untuk mengamalkan budaya mereka, malah perayaan Tahun Baru Cina turut mendapat pengiktirafan dan diraikan oleh pemimpin dan rakyat pelbagai kaum. Peluang untuk mendapat pendidikan sehingga ke peringkat tertinggi turut terbuka untuk mereka.

Justeru bagi Malaysia, kenyataan Kuan Yew itu sebenarnya sangat tidak dialu-alukan dan jauh sekali untuk disambut baik.

## Kenyataan

Pendirian Malaysia itu telah ditegaskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak apabila menyifatkan kenyataan Kuan Yew itu sebagai 'nakal, tidak wajar dan tidak diperlukan.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sendiri dalam reaksinya menyatakan akan mendapatkan penjelasan daripada bekas pemimpin republik itu mengenai kenyataan tersebut.

Namun, tidak boleh tidak, sudah pasti akan ada pihak yang rasa tidak puas hati apabila ada orang luar yang cuba mencampuri urusan rakyat negara ini yang selama ini hidup dengan penuh rukun dan aman damai.

Maka tidak hairanlah jika UMNO Johor meminta kerajaan membatalkan apa juga projek yang lebih menguntungkan Singapura daripada rakyat negara ini. Ini termasuk projek kereta api laju Kuala Lumpur ke republik itu.

Pada pandangan UMNO Johor, Malaysia tidak boleh bertolak ansur dengan negara yang tidak menghormati semangat setiakawan di kalangan negara ASEAN dan tidak pandai pula menjaga hati jirannya.

Selain Malaysia, Indonesia yang turut dikaitkan oleh Kuan Yew dalam isu tersebut, turut menyuarakan kemarahan de-

ngan kenyataan tidak berasas itu. Dan kelmarin, ahli-ahli parlimen negara itu mendesak Menteri Mentor Singapura itu memohon maaf, selain memberikan penjelasan mengenai kenyataan tersebut.

Mungkin sudah tiba masanya Malaysia mengambil pendirian yang lebih keras dengan Singapura dalam isu-isu melibatkan kepentingan negara lebih-lebih lagi apabila pemimpin republik itu cuba mencampuri urusan dalaman negara.

Bagaimanapun, seperti lazimnya, di sebalik bantahan-bantahan pemimpin UMNO dan parti-parti komponen Barisan Nasional lain, terdapat pihak yang seolah-olah 'menyambut' tuduhan pemimpin republik itu.

Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng misalnya, menyatakan rasa 'meluat' terhadap Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting, Presiden Parti Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, kerana menafikan orang Cina di Malaysia dipinggirkan.

Pemimpin DAP itu dalam satu kenyataan mendakwa, orang Cina dan bukan Cina dipinggirkan secara sistematik oleh dasar diskriminasi kerajaan yang hanya memberi keutamaan kepada orang yang kaya dan mempunyai kaitan politik

Kenyataan Guan Eng turut dipetik oleh akhbar *Berita Harian* Singapura.

Persoalannya, sebagaimana yang dinyatakan oleh Nik Anuar, apakah sebenarnya motif Kuan Yew mengeluarkan kenyataan yang mengguris hati rakyat negara ini untuk sekian kalinya.

Di sebalik pendekatan Malaysia yang sentiasa menjaga hati jirannya, Kuan Yew pula tidak habis-habis membangkitkan perkara yang menyakitkan hati

kerajaan dan rakyat negara ini.

"Apa muslihat beliau kerana selepas berpisah dengan Malaysia, masih menimbulkan perkara-perkara yang tidak patut disebut," soal Nik Anuar.

Dalam usaha ASEAN melahirkan Komuniti ASEAN sebelum tahun 2020, Kuan Yew sepatutnya mengelak daripada menimbulkan sebarang provokasi kerana ia akan hanya menggugat kestabilan di kalangan negara anggota.

Ini kerana, sebagaimana ditegaskan oleh Nik Anuar, sebarang konflik yang berlaku akan pasti memberi kesan kepada negara serantau.

Lebih-lebih lagi dalam konteks Malaysia-Singapura-Indonesia. Sekiranya huru-hara berlaku di Malaysia ataupun Indonesia akibat daripada kenyataan pemimpin republik itu, sudah pasti Singapura akan turut menerima kesan dan terjejas sama.

Justeru, sebagai 'orang lama', Kuan Yew sepatutnya lebih bijak dalam mengeluarkan sebarang kenyataan demi menjaga perpaduan dan keamanan rantau ASEAN. Beliau juga perlu membuang sikap 'menjaga tepi kain' orang serta tabiat 'sedap bercakap'. Ini untuk memastikan negara ASEAN termasuk Singapura sendiri, terus makmur dalam meniti cabaran abad mendatang yang pasti lebih mencabar.

Maka, untuk menjernihkan semula keadaan serta memulih dan mengekalkan hubungan baik sedia ada, Kuan Yew perlu memohon maaf kepada jiran-jirannya dan tidak mengguris hati mereka dengan tuduhan-tuduhan liar pada masa hadapan. Semua ini perlu dilakukan atas dasar semangat ASEAN demi kesejahteraan bersama.